

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30/07/2017G

Orang muda tolak Dr. Mahathir

u.m. - 30/7/2017 p. 8

Perlu kah ada diktator dalam pembangkang?

OLEH FARHANA JONI



BERIKUT petikan hujah dan pertanyaan oleh peserta Forum 'Mahathir: Kjen Perubahan atau Kjen Pemusnah' yang diadakan di Kuala Lumpur Selasa lalu.

Sekarang baru nak percaya?

SAYA adalah generasi reformasi. Kita setiap hari didasut oleh Hishamuddin Rais ini untuk membenci Mahathir. Dia siap kata pada kita, palang pada huruf T, titik pada huruf I, pada Mahathir pun dia tak percaya. Tapi sekarang dia percaya kenapa?

Kenapa nak percaya cakap Mahathir. Sendiri cakap tak boleh percaya lepas tu suruh orang percaya. Itu nombor satu. Nombor dua nak tibai Najib, Najib, Najib, tak pernah belajar daripada sejarah.

Di Sarawak, itu hari kita tibai Taib kan? Ni Taib dah letak jawatan, Adenan menang kerusi lebih banyak ke lebih sedikit? Katakanlah Najib letak jawatan sekarang dan naik semasa sahaja dan apa akan berlaku? Nak maafkan kesalahan Najib?

Seperti apa yang dimaafkan kesalahan Mahathir sekarang? Mengarutlah semua ini. Sekarang kita orang dah penatlah dengar air liur ceramah air huri ni.

Penat dah dengar ceramah politik, budut-budut ni, dah tiba masanya anak-anak muda sekarang bangkit. Ini masa kita. Sekian terima kasih.

-HARRIS

SAYA bekas penyokong tegar Pakatan Harapan. Saya pernah bekerja dengan Harris dahulu dalam ABU Pertama, saya nak ucap tahniah kepada Dr. Jayakumar kerana berjaya mengisytiharkan setiap tahun, saya hanya tunggu senjua Pakatan Harapan selain Rafizi, saya juga tunggu Mohamad Sabu untuk isytiharkan harta. Insya-Allah.

Soalan saya, dan menyelit tadi, mungkin agak tidak sopan, saya minta maaf. Saya bertanya siapa calon Perdana Menteri Pakatan Harapan? Hisham tadi mungkin ada bidas saya sedikit, dia kata kita belum beli lembu, kita tidak tahu.

Tapi saya hendak tanya, sebelum kita membeli sesuatu barang, kita tengok tak dulu barang itu? Kita mesti tengok barang yang kita beli. Betul?

Dalam online, dalam Lazada atau mana-mana kedai online, kita tengok gambar, betul? Dalam gambar itu siap ada 3D, boleh pusing-pusing gambar itu untuk kita tengok.

Tapi Perdana Menteri dalam Pakatan Harapan ini kita tak tahu siapa, kita tidak boleh ada interim, kita tidak boleh ada Wan Azizah jadi Perdana Menteri sekejap, tunggu Anwar keluar perajara. Ini semua mengurut tuan-tuan. Kita hendak benda konkrit, saya hendak mengundi, nak tahu siapa PM. because jujurnya, Pakatan Harapan perlulah jawab benda ini. Ini saya hendak tanya.

Kedua, saya ada satu lagi soalan. Dr. Mahathir Mohamad adalah diktator daripada dulu sampai sekarang. Adakah Pakatan Harapan

perlu seorang diktator to put everyone together? Adakah kita menggunakan model BN dahulu yang ada Big Brother dan kawal semua orang? Jadi Pakatan Harapan bagi saya tiada orang yang boleh buat semua ini dan mereka memerlukan diktator.

Jadi soalan saya, perlukah Dr. Mahathir dalam Pakatan Harapan untuk tujuan itu? Saudara Hisham pun ada kata tadi, untuk guard support orang Melayu dan sebagainya. Adakah perlu dia di situ?

Pendapat kami sebagai golongan marhaen, orang macam saya yang mengundi balu-buru dua kali, kita tak nak Dr. Mahathir dan ini adalah suara Gen Y, kami tak nak Dr. Mahathir.

Saudara Hisham ada cakap tadi, musuh negara adalah Najib Razak, sebelum Najib jadi Perdana Menteri, saudara Hisham cakap benda yang sama. Mahathir adalah musuh yang paling ketat. Setitik air atas nama Mahathir pun tidak boleh dipercayai. Tapi nampak gaya sekarang Pakatan Harapan sekarang M-A-H-A-T-H-I-R pun percaya.

-AHMAD



HARISAN panel gagal memberi jawapan kepada persoalan mudah dibangkit, antaranya relevannya Dr. Mahathir dan siapa PM pilihan mereka. Jawapan hanyalah sekadar retorik, dangkul dan bersifat peribadi.

Mahathir bagi kroni, Najib lebih baik

SAYA hendak tanya kepada Hishamuddin sebab beliau banyak sangat involve Marxisme tadi. Lepas itu apa yang beliau bertutur mengenai kontradiksi dalam Marxisme.

Saya lihat bukan contradiction, dia adalah lebih kepada permusuhan antara fraksi sahaja dan dengan itu saya kata pemahaman Hishamuddin mengenai Marxisme sangat lemah atau beliau memanipulasi Marxisme?

Satu lagi, kenapa saya cakap fraksi tadi. Bila kita tengok kenapa Pakatan Harapan terpaksa bergantung pada Dr. Mahathir? Sebab mereka memainkan peranan politik personaliti. Bukan politik idea. Dan kenapa saya cakap begitu, kalau kita tengok bahasa Hishamuddin pakai tadi, pengalaman saya, 'saya' itu adalah politik peribadi bukan ideologikal, *politic based on idea*. Daripada segi bahasa pun kita tahu ia bukan perkara baharu.

Lepas itu, satu lagi saudara Hisham cakap kita perlukan 'Mahathir untuk call choo kong'. Okay saya nak cakap berkenaan Najib semata. Sekarang ini, 42 peratus saham dekat BSEK adalah GIC punya sekarang.

Dia tidak perlu bergantung kepada mana-mana kapitalis. Najib sedang melakukan cara lompatan sekarang. Mahathir dulu buat pengangkutan awam, bagi pada kroni. Dan Najib buat pengangkutan awam di bawah kerajaan.

Kalau awak nak main macam ini, Najib is better dan awak cakap perlukan sokongan orang kampung. Najib is doing that by given them BR1M. Kalau you nak main benda macam ini. Jadi, soalan saya, *What contradiction you are talking about?*

-ANAS